

# Kenaikan harga barangan dan GST

Oleh MOHAMMAD NOORIZZUDDIN NOOH

**M**ASUK sahaja tahun baru, kita sebagai rakyat berhadapan dengan banyak cabaran seperti kebimbangan menghadapi era GST yang akan dilaksanakan pada April nanti.

Pada minggu pertama sahaja, kita mula sedar bahawa terlalu banyak barang naik dari segi harga atau berkurangan dari segi kuantiti penawarannya.

Rata-rata kita lihat kedai-kedai kegemaran kita mula menaikkan harga atas nama persediaan menghadapi GST. Kita sedar kenaikan harga tersebut kerana ini adalah kedai-kedai kegemaran yang selalu kita kunjungi untuk makan, minum, mencuci kenderaan, membeli barangan rumah dan lain-lain lagi.

Bagaimana pula dengan kedai-kedai yang bukan kegemaran kita? Kita tidak tahu mungkin mereka juga menaikkan harga. Di laman Facebook, ramai mengeluh apabila isu ini dipaparkan.

Ramai mengaku bahawa kebanyakan kedai kegemaran mereka menaikkan harga antara 10 ke 30 peratus. Sebagai contoh, kedai minum kopi kegemaran saya menaikkan harga kopi termurah mereka sebanyak 20 peratus dari RM2.50 ke RM3.

Kedai kegemaran saya untuk mencuci kereta juga telah menaikkan harga sebanyak 33 peratus dari RM6 ke RM8. Sementara itu kedai kegemaran isteri membeli barangan RM5 akan menaikkan harga sebanyak 13 peratus ke RM5.65 dengan alasan yang tidak logik untuk diterima akal supaya harganya dapat diselaraskan menjadi RM6 selepas ditambah dengan percukaian GST.

Bukankah sepatutnya kadar GST enam peratus dikenakan kepada harga asal RM5 dan menjadi RM5.30? Kedai tersebut berkeras ingin menjadikan harganya genap RM6 kerana ingin mengekalkan konsep harga genap.

Secara peribadi saya merasakan kedai konsep RM5 ini amat biadab dan mengambil untung atas angin sebanyak 65 sen.

Dengan gaji sebagai pensyarah IPTA, keluarga kami sudah mula



**KAKITANGAN** Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) memberi penerangan tentang cukai di kaunter penerangan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) JKDM sempena Expo dan Persidangan GST di Pusat Konvensyen Antarabangsa Kuala Lumpur, baru-baru ini.

merasakan impak tidak langsung daripada demam pra-GST ini. Bagaimanakah agaknya mereka yang berpendapatan rendah atau tidak berpendapatan tetap?

Justeru, apakah pendinding kita sebagai rakyat untuk melawan kebiadaban peniaga-peniaga seperti ini? Apakah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan akan menjadi penyelamat kita? Adakah golongan peniaga ini kebal daripada akta tersebut?

Setelah saya meneliti akta tersebut dan berdasarkan pemerhatian bolehlah saya simpulkan bahawa para peniaga tidak tahu pun mengenai kewujudan akta tersebut.

Peniaga kecil juga ialah pengguna. Maka reaksi mereka pun sama.

Mereka takut dan panik menanti kedatangan GST dan atas alasan ketidaktentuan hala tuju perniagaan maka mereka menaikkan harga sebagai persediaan menghadapi GST.

Sekelumit di hati, mereka tidak tahu akan masa depan mereka selepas GST kerana mereka sebenarnya lebih terdedah kepada ketidaktentuan pasaran berbanding syarikat-syarikat besar yang berdaftar di bawah program GST.

Oleh yang demikian, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan perlulah mengambil dua langkah proaktif iaitu memberi pendedahan kepada peniaga mengenai akibat menaikkan harga

barangan dan memperteguh penguatkuasaan untuk menghukum peniaga yang mengambil kesempatan daripada pelaksanaan GST dengan menaikkan harga.

Selain itu, pihak Kastam Diraja Malaysia perlu memainkan peranan penting dengan memberikan maklumat yang tepat kepada peniaga mengenai persediaan mereka menghadapi GST.

Apabila kedua-dua agensi ini memainkan peranan dengan lebih serius, maka ini akan dapat mengurangkan kes-kes peniaga dengan sembrono menaikkan harga.

**PENULIS** ialah Pensyarah Kanan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)